

Saya ada berkunjung ke kedai buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Kuala Lumpur dan satu daripada kedai buku yang menjual buku terbitan DBP di Temerloh. Saya cuba membandingkan pelanggan yang datang membeli novel atau buku terbitan DBP dengan kesesakan di beberapa buah kedai buku indie. Memang terlihat suasana yang berbeza. Susun atur buku dan hiasan dalaman kedai buku indie terasa lebih menyegarkan. Manakala, kedai buku DBP berasa terkongkong dan melemas. Susun atur dan hiasan dalaman yang masih bersifat tradisional daripada kedai buku indie yang bercita rasa moden.

Selain itu, laman sosial penerbit indie pula sibuk berinteraksi dengan para pengikutnya dalam skala yang besar, terutamanya di laman twitter. Hal ini jauh berbeza dengan laman twitter milik DBP yang hanya berkomunikasi satu hala. Memang setiap hari dikemas kini dengan rujukan tentang bahasa Melayu, tetapi apabila pengikut membalas kemas kini tersebut atau bertanya apa-apa soalan, pertanyaan itu kerap pula tidak berbalas. Sememangnya DBP mempunyai laman sesawang sendiri untuk membuat pengumuman tentang pelbagai program anjuran DBP, namun interaksi melalui laman sosial twitter yang kebanyakannya digunakan oleh anak muda, sungguh tidak memberangsangkan. Amat penting dalam usaha menarik minat lebih ramai anak muda untuk lebih kenal dan rapat dengan DBP. Diharapkan agar pihak yang bertanggungjawab yang mengendalikan laman twitter DBP dapat menambah baik ruang interaksi dengan pengikut laman berkenaan.

Sementara itu, harus diakui bahawa produk terbitan DBP sememangnya berkualiti. Namun begitu, ramai anak muda yang kurang mengetahui tentang DBP dan produk terbitannya. Saya mempunyai ramai kawan yang apabila disebutkan nama pengarang besar seperti Usman Awang, Anwar Ridhwan atau Muhammad Haji Salleh, mereka

tidak mengenali tokoh ini. Manakala, apabila disebutkan pengarang yang menghasilkan karya bersama-sama penerbit indie, mereka lebih dikenali oleh generasi muda hari ini. Pengarang indie kebanyakannya menjadi semakin terkenal pada masa kini walaupun kadangkala kualiti terbitan mereka sederhana. Saya berpendapat, sebab utama pengarang dan karya indie popular dan dikenali khalayak kerana penerbit indie bijak mengeksploitasi media sosial secara agresif, kerap mengadakan program bersama-sama khalayak dan turun padang mendekati serta berinteraksi dengan khalayak secara berkala. Selain itu, harus diakui juga, reka bentuk kulit produk indie begitu mengagumkan, ceria, bebas dan terkini sehingga berjaya menarik minat generasi muda membelinya.

Sejujurnya, saya berpandangan, hanya satu produk terbitan DBP yang benar-benar menarik perhatian saya, sebagai mewakili golongan muda iaitu kesegaran kulit majalah *Dewan Sastera (DS)*. Setiap bulan, kulit *DS* menampilkan sesuatu yang baharu dan berjaya menarik golongan muda untuk mendekati serta memilikinya. Saya kerap membandingkan kulit novel atau buku indie dengan terbitan DBP yang mempunyai reka bentuk yang lebih berkualiti, segar, terkini dan mengikut perkembangan terkini dunia grafik. Manakala, kulit novel atau buku terbitan DBP masih kekal sama seperti 10 tahun dahulu. Tiada perubahan, stail lama, warna yang kusam serta suram dan reka bentuk kulit yang agak ketinggalan zaman. Amatlah rugi jika isi kandungan novel atau buku yang baik tidak dapat dijual dan disebarkan kepada khalayak pembaca. Mungkin benarliah pepatah "jangan menilai sesebuah buku daripada kulitnya" namun, saya fikir sudah tiba masanya DBP tampil dengan kulit novel atau buku yang lebih segar, bebas, hijau dan relevan dengan zamannya. ❏

Abdullah Hussaini Mohd Ghazali

# Strategi Baharu

## MEMPERKASAKAN PRODUK TERBITAN DBP



OLEH: JAHZA ZAIN

kerang ini sudah ramai orang Melayu yang tinggal di kawasan perumahan yang berpagar dan berpengawal, dalam istilah poplarnya disebut "guarded and gated". Tidak cukup dengan kehadiran pengawal tersebut, kamera litar tertutup juga dipasang di setiap sudut bagi merakamkan pergerakan di sekitar rumah kediaman

mereka.

Kalau dijangkakan ke dalam setiap rumah pula, kita mungkin melihat ada dua tiga buah motokar, motosikal, basikal, beberapa buah telefon pintar android dan komputer riba. Rumah juga dipasang *alarm* atau alat penggera anti-penceroboh. Peti sejuk, televisyen, dan pelbagai perkakasan elektrik bukan kemewahan lagi kerana di rumah pangsa pun ada di setiap rumah. Cuma harga dan kualiti sahalajalah yang membezakannya, namun fungsinya masih tetap sama.

Dahulu, bangunan yang berpagar dan berpengawal hanyalah di tempat rasmi seperti balai polis, kem tentera, rumah

menteri; dan juga banglo tauke jutawan. Sekarang kawasan rumah orang preman pun sudah "guarded and gated". Adakah ini tanda kemewahan komuniti taman perumahan atau tanda kekhawatiran penduduk terhadap penjenayah? Apa-apa pun juga sebabnya, inilah hasil daripada kemajuan ekonomi yang memperbesar jumlah masyarakat kelas menengah dan atas yang berpendapatan lumayan termasuk orang bukan Melayu. Dalam waktu yang sama, bertambah ramai pula rakyat yang berasa serba tidak cukup untuk memenuhi keinginan baharu yang pelbagai jenis atau menampung keperluan hidup harian yang semakin mahal.

Sementara itu, kita juga menyaksikan beberapa juta pendatang asing berhijrah masuk - baik secara halal atau haram. Mereka mengetahui bahawa untuk membersihkan rumah dan menjaga anak-anak, memotong rumput di perkarangan rumah, dan kerja menampal bumbung bocor misalnya, penduduk Malaysia memerlukan tangan-tangan asing. Kalau tidak, susah kerana orang kita tidak mahu bersusah-susah seperti pendatang. Apatah lagi di ladang-ladang dan di kilang-kilang pembuatan, lebih ramai buruh kasar diperlukan. Semuanya dilakukan oleh tangan-tangan asing ini.



Kuala Lumpur (KL) sudah menjadi kota kosmopolitan pelbagai wajah. Kalau berbelanja di Jalan Tuanku Abdul Rahman, ada bermacam-macam rupa muka, baik penjual atau pembeli: ada yang hidung mancung, hidung pesek, kulit cerah, kulit gelap pekat atau yang sawo matang macam Melayu tokot. Kota-kota besar Malaysia sudah hebat berubah berbanding dengan 50 tahun yang lampau. Dahulu, aman dan tenang dengan jalan raya yang lancar, pohon rimbun di kiri kanan, suasana pagi dingin dan dinikmati yang sepi. Anak-anak muda kampung mengidam untuk berhijrah ke KL yang tersohor. Orang berasa bangga kalau disebut tinggal dan bekerja di KL.

Sewaktu pertama kali berhijrah ke KL pada tahun 1959, dan bekerja sementara sebagai penolong pemeriksa di Jabatan Hasil Dalam Negeri, di Bangunan Sulaiman (berdekatan stesen kereta api lama). Saya menyewa sebuah bilik belakang, bangunan kedai berderet, di jalan Raja Laut. Bilik sewa tersebut berdekatan dengan bilik air dan tandas. Empat orang kami tinggal di dalam bilik tersebut - semuanya anak bujang dari kampung - terpaksa berhimpit-himpit di dalam bilik yang sebesar 10 x 12 kaki jogeti. Di situ lah bantal, dan gebar; dan di situ lah juga beg, buku, pakaian, tuala dan kasut berkumpul. Di beberapa buah bilik yang lain pula, dihuni oleh perempuan joget dan pelayan. Hanya ada satu lorong ke tandas dan bilik air pula dikongsi bersama-sama penghuni yang menyewa di situ. Kami teruna kampung yang baru mengenal kota berasa canggung dan malu-malu kucing apabila berselisih di jalan untuk ke tandas atau berpandangan muka dengan penyewa perempuan yang sudah cukup masak melayani lelaki dalam profusion mereka setiap malam.

Itu cerita 57 tahun dahulu. Kini, tidak ada lagi joget moden BB Park, di Jalan

Bukit Bintang, tempat perempuan joget bekerja. Kuala Lumpur sudah berubah 80 peratus. Malahan, pejabat PAS (Parti Islam Se-Malaysia) pun sekarang sudah beralamat di Jalan Raja Laut. Namun begitu, sisa-sisa 20 peratus yang tinggal itu masih juga kelihatan samar-samar di sekitar Jalan Raja Laut. Lorong Haji Taib dan Kampung Semarang yang berada di sampingnya dahulu, penuh sesak dengan rumah setinggian. Pada hari ini pun kawasan itu masih memperlihatkan kegesitan dan kelasakan hidup masyarakat bawahan, gelandangan, pengungsi dan jua pendarat haram.

Di daerah ini hanya keberanian dan kegigihan watak individu dan kesetiaan terhadap kumpulan masing-masing yang menguji dan menjamin kelangsungan hidup. Bunyi enjin kereta, deru lalu lintas, laungan penjaja, gelak, ilai dan ketawa menjadi muzik harian hingga dinikmati. Sedikit demi sedikit anakronisme ini menjadi semakin kecil, tetapi nampak semakin menyerlah oleh kehadiran bangunan canggih serta moden di sekelilingnya.

Setiap kali melalui Jalan Raja Laut, terhimbau kembali pengalaman setengah abad dahulu tatkala pertama kali terhantar ke tengah-tengah kehidupan kota yang asing dan sesekali menyeronokkan. Perempuan pelayan dan joget yang dahulu itu dipandang serong oleh masyarakat tentu sudah tidak ada lagi dalam profesionnya seperti matinya perniagaan joget dan kedai kopi tradisional di KL. Segala-galanya sudah luntur atau berubah ke dalam bentuk profusion hiburan dan layanan pelanggan yang lebih canggih.

Sebagai gejala baharu, adakah kawasan perumahan yang berpagar dan berpagawal merupakan tanda bahawa kehidupan sudah lebih maju,

berkualiti dan mulia? Namun begitu, apakah kehadiran pagar dan pengawal itu sebaliknya menceritakan bahawa keadaan masyarakat sekarang merosot dan kurang selamat, bukan sahaja kerana meningkatnya kejahatan dan ancaman jenayah, tetapi antara penduduk juga sudah ada yang hilang perasaan ukhwh, kesetiakawanan, tolong-menolong, keakraban serta pengorbanan bagi kesejahteraan jiran tetangga? Mereka juga manusia yang sangat sibuk dan lelah dengan urusan hidup harian yang semakin menuntut waktu, fikiran dan mutu pekerjaan. Apabila pulang dari pejabat, suami atau isteri sudah agak letih untuk memberikan perhatian akrab kepada anak-anak atau keluarga. Suatu hal yang menarik pula, ada tanda-tanda kesedaran agama yang kuat dalam kalangan sesetengah penduduk walaupun kesedaran ini nampaknya lebih pada hal-hal ibadat, dan bukan sangat pada aspek intelektual umat.

Inilah budaya dan gaya kehidupan moden yang dilalui oleh sejumlah anggota masyarakat Melayu yang rata-rata sekitar usia 55 tahun ke bawah. Mereka terdidik pada zaman merdeka yang lebih selesa walaupun kebanyakannya anggota masyarakat yang ibu bapanya berasal kampung pada zaman penjajahan, sama ada bekerja sebagai petani, nelayan, penjuat tikar, bantol, dan pegawai rendah kerajaan. Generasi merdeka ini telah menjadi orang kota kelas elit yang ada antaranya termasuklah jawatan pengerusi eksekutif, ketua pegawai eksekutif, ketua pengarah, pengarah urusan, profesor atau usahawan. Di tangan mereka, terletak kata putus tentang visi dan strategi konglomerat, badan korporat, atau jabatan kerajaan.

Walau bagaimanapun, yang pasti ialah sudah berlaku jurang lebar dan kesenjangan nilai antara kelompok masyarakat Melayu. Masyarakat sudah terpecah-pecah dan dalam kehidupan hariannya, lebih melihat pada tepi kaki

dan halaman rumah sendiri; tidak kompak seperti sewaktu awal merdeka atau seperti di kampung asal. Visi perjuangan generasi bapanya yang sangat berorientasi pada nasib masyarakat bangsanya sudah luntur. Mereka lebih melihat ke dalam, kepada kepentingan keluarga atau organisasi untuk menumpahkan pengorbanannya; bukan sangat terhadap nasib rakyat lain. Inilah harga yang terpaksa dibayar bagi mencapai kejayaan sivil, diploma dan ijazah untuk alak bersaing dalam pembangunan negara.



Bolehkah kita mengkritik perubahan sosial sekarang semata-mata terhadap penagih dadah, peragut, pemeras, penyeludup, perompak, penipu dan penculik kerana menimbulkan ancaman dan keimbangan dalam kalangan masyarakat? Setiap penjenayah itu sesungguhnya samalah seperti jari kelengkeng kecil di kaki kita: mempunyai bentuk, sifat dan identitinya tersendiri sebagai salah satu organ daripada keseluruhan tubuh kita (jantung, hati, mata, tangan, telinga, kepala, dan otak). Pada saat jari kecil di kaki kita itu sakit atau terluka, keselesaan atau perasaan di hati kita juga turut rusuh. Sebab itulah agaknya apabila mengkaji sesuatu komuniti, si pengkaji atau ahli antropologi bukan sahaja menyelidik kehidupan kolektif komuniti yang berkenaan, tetapi juga individuinya kerana dia sebahagian daripada penjelmaan rupa dan roh komunitinya.



Nampaknya masalah kehidupan moden semakin rumit kerana matlamat pembangunan ekonomi dan teknologi sudah menjadi maharaja yang menetapkan arah, sekali gus menjadi pembelot kepada nilai-nilai unggul tradisi serta kebudayaan. Individunya puta tidak berdaya berfikir

melampaui batasan kehidupan yang terbentuk kerana mereka terdidik sebagai artisan, manusia berkelulusan tinggi yang berkemahiran untuk menggerakkan jentera institusi atau organisasi supaya lebih cekap mengeluarkan hasil atau menyampaikan perkhidmatan; bukan untuk merawat manusia, kebudayaan dan persekitarannya.

Oleh hal yang demikian, sebesar manakah benarnya cakap-cakap tentang perjuangan yang berwawasan jauh, dan perkhidmatan yang bersih dan bermanfaat untuk rakyat yang sering dilaungkan oleh pemimpin organisasi atau masyarakat kita? Adakah itu semua hanya kenyataan maya seperti borak-borak di WhatsApp, twitter, blog atau facebook setiap hari? Impian ekonomi dan nilai-nilai baharu kelas elit dan menengah Melayu inilah yang kadang-kadang menjadi beban apabila mempejuangkan tradisi, bahasa dan nilai kebudayaan sebagai sebahagian daripada wajah serta watak Malaysia.



Bagalmanakah hendak digambarkan tokoh manusia Melayu baharu ini (profesional, eksekutif, ilmuwan dan pemimpin politik) dalam drama, filem, seni visual, prosa dan puisi? Pertanyaan ini mengingatkan saya tentang masalah bagaimana caranya menterjemahkan tema skrip sewaktu mahu mengarahkan drama pentas pertama DBP, *Tamu di Bukit Kenya* karya Usman Awang, setengah abad yang lalu. Watak utama drama ini, seorang pegawai tinggi Melayu yang berasal dari kampung, akhirnya menderita sakit: sakit jantung. Kasihan dia, kerana usianya masih belum lanjut, tetapi tuntutan profusion dan sosial menggoncang keras sikap mental dan batinnya yang belum siap matang untuk menghadapi pengalaman baharu di sekelilingnya. Akhirnya dia sakit menahan derita; dan hanya mampu menyaksikan kekonyolan yang semakin menjadi-jadi di sekelilingnya. ❏

## PADA HUJUNG WAKTU

*Pada dini hari  
engkau datang  
mengucup dahi.*

*Pada hari  
ayun-temayun  
engkau pergi  
meninggalkan aku  
termangu, dan  
sunyi sepi.*

*Itulah nasib  
bakal menunggu  
menodai hidup  
pada hujung waktu.*

Baha Zain  
Gelutur  
September 2016

